



JABATAN MUFTI NEGERI KEDAH
IRSYAD AL-FATWA

HUKUM MEMBINA ARCA LEBAH

Jabatan Mufti Negeri Kedah telah meneliti satu permohonan mengenai **Hukum Membina Arca Lebah** dan memutuskan seperti berikut;

1. Islam menuntut umatnya supaya memelihara keindahan dan mengekalkannya sama ada yang terdapat pada alam semulajadi atau yang dicipta oleh manusia. Contohnya, replika, arca dan hiasan pokok bunga serta batu hiasan yang dibina di sesuatu kawasan untuk menarik minat masyarakat awam. Hal ini sedikit sebanyak dapat menjana pendapatan dan membuka ruang kepada aktiviti perniagaan sekaligus merancakkan lagi perkembangan sektor ekonomi.
2. Secara umumnya, para ulamak menggariskan beberapa ciri arca yang diharamkan **antaranya jika objek tersebut menyerupai makhluk Allah / makhluk yang hidup (sama ada dalam bentuk manusia atau haiwan), berjisim dan mempunyai bayang.**
3. Bagaimanapun, replika / arca serangga berbentuk rama-rama, kumbang, pepatung dan belalang bersaiz besar dan lain-lain yang dibina yang bertujuan untuk pembelajaran, pendidikan serta permainan kanak-kanak adalah **diharuskkan kerana arca seumpama itu bukanlah bertujuan untuk amalan pemujaan dan penyembahan.**
4. As-Syeikh Dr. Yusuf Al-Qaradhawi di dalam kitab beliau; "Fatwa-Fatwa Kontemporeri" menegaskan bahawa; **"patung yang menyerupai manusia atau haiwan adalah diharamkan di sisi Syarak. Tahap pengharamannya akan bertambah apabila ia adalah patung (atau rupa) makhluk yang dipuja**

- puja seperti raja atau Nabi, umpamanya al-Masih atau al-Azraa' dan tuhan-tuhan berhala termasuk patung lembu menurut kepercayaan agama Hindu.”
5. Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah pada 11 November 1989 juga menyatakan “mengukir / membuat patung manusia dan binatang adalah haram kecuali untuk permainan kanak-kanak atau bagi tujuan pendidikan, pembelajaran atau pengetahuan. Pekerjaan membuat patung mainan adalah harus pada Syarak.”
 6. Berdasarkan pandangan di atas, jabatan ini memutuskan bahawa **binaan arca / patung / karikatur / animasi serangga berbentuk lebah, rama-rama, kumbang, pepatung dan belalang bersaiz besar bertujuan untuk mempromosikan aktiviti komersial di sesbuah kawasan adalah harus berdasarkan Maqasid Syariyyah dan ia bukan bertujuan untuk amalan pemujaan dan penyembahan.**

TARIKH KEPUTUSAN : 13 DISEMBER 2020